KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

JILID 4

DIGES

PROJEK PELAJAR PROGRAM DIPLOMA PSMZA 2024



UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSIAL
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Diterbitkan oleh / Published by:

Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin,
Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial,
KM 8, Jalan Paka. 23000 Dungun.
Terengganu Darul Iman.
Tel: 09-8400800
Faks: 09-8458781
Laman sesawang: https://psmza.myolycc.edu.my/

Terbitan ini dikeluarkan secara tahunan.

KATA ALUAN

HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera & Salam Malaysia MADANI.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNYA, Diges Projek Pelajar Program Diploma PSMZA 2024 dapat diterbitkan dengan jayanya. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga pensyarah serta pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) atas penganjuran *Student's Project Competition Innovation and Invention Design* (SPEED 2024) yang memungkinkan penerbitan Diges Projek Pelajar Program 2024 ini. Langkah demi langkah yang diambil oleh para pelajar kita akhirnya membuahkan kejayaan yang membanggakan.

Saya amat berbangga menyaksikan bagaimana pelajar kita berjaya menyatukan ilmu, daya cipta dan semangat berani mencuba dalam melahirkan projek-projek inovatif yang memberi impak positif kepada komuniti dan sektor industri.

Penerbitan ini bukan sekadar dokumentasi projek, tetapi merupakan manifestasi komitmen berterusan PSMZA dalam memperkasa pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) melalui pendekatan berasaskan *outcome-based learning* (OBE), sekali gus memberi peluang kepada para pelajar untuk mempersembahkan hasil inovasi dan ciptaan mereka dalam bentuk projek yang praktikal dan berimpak tinggi.

Penerbitan ini sangat signifikan dalam mendokong aspirasi negara ke arah Revolusi Industri 4.0, Internet of Things (IoT), kecerdasan buatan (AI), automasi, serta pembangunan mampan (SDG). Kita semua berbangga kerana para pelajar kita kini bukan sahaja celik teknologi, malah sudah bersedia untuk menjadi pencipta masa depan dan berdaya saing di peringkat global.

Akhir kata, saya berharap DIGES SPEED 2024 ini dapat menjadi inspirasi bukan sahaja kepada pelajar kita, tetapi juga kepada pembaca lain untuk terus mengejar ilmu, mencipta solusi dan menyumbang kepada masyarakat, industri dan negara. Pembudayaan *design thinking*, keberanian mencuba dan membina impian berimpak besar adalah asas kepada kejayaan dan kecemerlangan generasi masa hadapan.

Bukan sekadar wayar bersilang,
Tapi idea yang mengubah zaman,
Dari politeknik lahir gemilang,
Menjadi pencetus generasi hadapan.

#PSMZAMelangkahKeEraBaharu

Sekian, terima kasih.

KATA ALUAN

Ts. Dr. MOHD HAFIZIL BIN MAT YASIN
TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Assalamua'laikum wbt, Salam Sejahtera & Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, syukur dengan limpah kurnia Allah SWT, Diges Projek Pelajar Program Diploma PSMZA 2024 dapat diterbitkan dengan jayanya. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada barisan jawatankuasa pelaksana, pensyarah-pensyarah, dan semua pelajar yang terlibat dalam penghasilan diges ini.

Usaha yang ditunjukkan bagi penghasilan diges sebegini bukan sahaja dapat memberi ruang kepada pelajar untuk mengasah kemahiran teknikal, tetapi juga mencungkil potensi pelajar daripada sudut kepimpinan, kerja berpasukan, pembudayaan inovasi, dan pemikiran kritis.

Saya percaya projek-projek di dalam SPEED 2024 telah dipilih antara yang terbaik dan dibukukan sebagai DIGES SPEED 2024. SPEED 2024 merupakan platform strategik yang mampu mempamerkan keupayaan dan hasil kerja para pelajar. Ini selari dengan aspirasi PSMZA untuk melahirkan graduan yang holistik, berdaya saing serta bersedia menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 dan seterusnya.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua pelajar yang terlibat di dalam penghasilan DIGES SPEED 2024 ini. Diharapkan pengalaman yang diperoleh dapat menjadi bekalan yang bermakna dalam perjalanan akademik dan kerjaya para pelajar kelak.

Terang bulan di malam sepi,
Disinari bintang berkerdipan,
Ilmu dikutip sepanjang hari,
Menjadi bekal masa hadapan.

#PSMZAMelangkahKeEraBaharu

Sekian, terima kasih.

KATA ALUAN

Dr. HAJI AKASYAH BIN MOHD KHATRI
KETUA UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI & KOMERSIAL
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Assalamua'laikum wbt, Salam Sejahtera & Salam Malaysia MADANI.

Saya mewakili Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial (UPIK) PSMZA merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada barisan editor di atas penerbitan DIGES SPEED 2024 ini. Naskhah ini merupakan dokumentasi pencapaian pelajar sempena program *Student's Project Competition Innovation and Invention Design* (SPEED 2024) yang menjadi nadi kepada pembangunan budaya inovasi PSMZA.

SPEED bukan sekadar pertandingan, ia adalah medan bukti bahawa pelajar politeknik bukan hanya belajar, tapi juga mampu mencipta. Di sinilah lahirnya projek-projek bercirikan penyelesaian sebenar kepada cabaran masyarakat, industri dan alam sekitar.

Program ini sangat bertepatan dalam memperkasa ekosistem penyelidikan dan inovasi akar umbi yang praktikal, relevan dan berpotensi dikomersialkan. Kami percaya, dari pertandingan seperti ini jugalah muncul projek-projek yang berupaya menjadi produk inovasi berdaftar, dipatenkan, malah dipasarkan di luar kampus.

Lebih penting lagi, SPEED 2024 mendidik pelajar untuk berfikir secara sistematik, membina prototaip yang berfungsi, dan menyampaikan idea dengan jelas kepada komuniti dan industri. Inilah nilai tambah sebenar yang kita bentuk.

Alat direka bukan sekadar gaya,
Tetapi menyelesaikan isu yang nyata,
Dari SPEED lahir iltizam yang membara,
Mengangkat TVET ke tahap utama.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas kepada semua yang terlibat sehingga terhasilnya DIGES SPEED 2024 ini. Teruskan menyemai budaya cipta dan reka, bukan sahaja untuk menang hari ini, tetapi untuk mencipta masa depan yang lebih lestari dan berdaya saing.

#PSMZAMelangkahKeEraBaharu

Sekian terima kasih.

SIDANG EDITOR

Aplikasi Penunjuk Aras pada Tangki Simpanan Minyak Masak Terpakai di Singki bagi Memudahkan Pengurusan Minyak Masak Terpakai

Nor Afzan binti Ariffin[1]*, Muhammad Ayub bin Razali[1], Khairudin bin A. Karim[1], Nurul Asyiqin binti Yahaya[1]

[1]Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, 23000 Dungun Terengganu
***Corresponding author E-mail**: afzan@psmza.edu.my

Abstrak

Satu pendekatan inovatif telah dibangunkan melalui mereka bentuk integrasi sistem penunjuk aras pada tangki simpanan minyak masak terpakai di singki dapur, bagi memudahkan pengurusan dan pelupusan minyak secara lebih teratur, cekap dan lestari. Produk ini direka bentuk untuk membantu pengguna mengenal pasti paras minyak yang disimpan serta menentukan waktu pelupusan yang sesuai melalui sistem penderia aras, bunyi amaran buzzer, dan nyalaan lampu LED apabila tangki mencapai kapasiti maksimum. Sistem ini bukan sahaja mengelakkan limpahan dan pencemaran, malah memudahkan proses pengurusan minyak masak terpakai secara sistematik dan mesra alam. Kajian melibatkan 86 responden dari Kampung Batu 7, Dungun dan data diperoleh melalui pengedaran borang soal selidik secara rawak. Hasil dapatan menunjukkan penerimaan yang sangat tinggi terhadap sistem ini; 90.7% responden bersetuju indikator berfungsi dengan baik dan mudah difahami, 94.2% bersetuju ia mendorong amalan pengurusan sisa yang betul, dan 95.3% menyatakan produk ini membantu pelupusan minyak secara lebih efisien. Reka bentuk mesra pengguna membolehkan penggunaannya meluas tanpa memerlukan kemahiran teknikal tinggi. Inovasi ini menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 6 dan SDG 12) serta menunjukkan potensi tinggi untuk dikembangkan secara komersial, disokong oleh dua agensi teknikal tempatan, selari dengan agenda Revolusi Industri 4.0 dan pembangunan lestari negara.

Kata Kunci: *pengurusan minyak masak terpakai, kitar semula, penunjuk aras, kelestarian alam sekitar, SDG 6 & SDG 12*

1. Pengenalan

Pengurusan sisa minyak masak terpakai adalah isu penting dalam usaha memelihara alam sekitar dan mengurangkan pencemaran. Minyak masak yang dibuang tanpa kawalan boleh menyebabkan pencemaran air dan penyumbatan dalam sistem pembetungan, memberi kesan negatif terhadap ekosistem dan kesihatan awam. Seiring dengan perkembangan masyarakat yang semakin pesat, amalan pengurusan sisa minyak masak terpakai sering diabaikan, sekaligus memberi impak buruk terhadap persekitaran sekitar kita. Oleh itu, satu pendekatan yang sistematik dan praktikal diperlukan untuk menangani masalah ini secara lebih efektif.

Dalam konteks ini, penggunaan penunjuk aras pada tangki penyimpanan minyak masak terpakai di singki berpotensi menjadi satu kaedah yang praktikal untuk memudahkan pelupusan minyak masak terpakai secara lebih teratur. Reka bentuk sistem ini mengintegrasikan penunjuk aras visual sebagai mekanisme pemantauan tahap isipadu minyak secara langsung, seterusnya memberi amaran awal bagi tindakan pelupusan yang efisien dan terancang. Ini dapat mempertingkatkan keberkesanan amalan pengurusan sisa minyak masak di peringkat kediaman serta mengurangkan pencemaran yang disebabkan oleh pelupusan yang tidak betul.

1.1 Penyataan masalah

Amalan membuang minyak masak terpakai secara terus ke dalam singki atau saluran perparitan tanpa kawalan yang sistematik dikenal pasti sebagai punca utama pencemaran dan penyumbatan sistem pembetungan. Tindakan ini, yang sering dipandang remeh di peringkat kediaman, menyebabkan pengumpulan lemak dan gris dalam paip, sekali gus mengganggu aliran air sisa dan mencetuskan kerosakan sistem saliran. Situasi ini berpotensi

meningkatkan risiko banjir kilat serta penularan penyakit bawaan air dan vektor seperti nyamuk. Implikasi jangka panjang bukan sahaja menjejaskan infrastruktur awam, malah mempercepatkan kemerosotan kualiti alam sekitar dan kesihatan komuniti.

Menurut laporan Sinar Harian (2022), amalan membuang sisa makanan dan minyak terus ke dalam singki atau longkang masih berleluasa dalam kalangan masyarakat, menyumbang kepada gangguan sistem perparitan dan meningkatkan risiko banjir kilat. Tambahan pula, laporan Kosmo (2023) yang memetik kenyataan Ketua Pegawai Teknologi Arus Oil, Louis Ong, menjelaskan bahawa amalan ini bukan sahaja mencemarkan persekitaran, malah membahayakan kesihatan awam dan menyebabkan kerosakan infrastruktur pembetungan.

Rajah 1: Keratan akhbar berkaitan isu minyak masak terpakai.

(Sumber : Jangan buang sisa makan, minyak ke singki atau longkang. (2022, Disember 14). Sinar Harian. *https://www.sinarharian.com.my/article/235979/berita/nasional/jangan-buang-sisa-makan-minyak-ke-singki-atau-longkang* dan Kitar semula minyak masak terpakai. (2024, Oktober 25). Kosmo. *https://www.kosmo.com.my/2023/10/25/kitar-semula-minyak-masak-terpakai/*)

Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengurusan bahan buangan domestik secara lestari, termasuk usaha mengitar semula minyak masak terpakai kepada biodiesel, kebanyakan isi rumah masih tidak memiliki kaedah yang sistematik atau peranti khusus bagi mengendalikan minyak masak terpakai secara berhemah. Kelemahan pada aspek infrastruktur yang mesra pengguna serta ketiadaan ekosistem pengurusan sisa yang komprehensif menjadi antara punca utama kegagalan inisiatif sedia ada untuk mencapai impak lestari dalam pengendalian minyak masak terpakai di peringkat isi rumah.

1.2 Objektif

1.2.1 Mereka bentuk integrasi sistem penunjuk aras pada tangki simpanan minyak masak terpakai di singki dapur bagi memudahkan pengurusan dan pelupusan minyak secara lebih teratur, cekap dan lestari.

1.2.2 Menilai tahap keberkesanan dan penerimaan pengguna terhadap penggunaan penunjuk aras dalam pengurusan sisa minyak masak terpakai sebagai sokongan kepada amalan kelestarian.

1.3 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada pengurusan minyak masak terpakai di kediaman di sekitar Kampung Batu 7, Dungun, Terengganu. Skop kajian melibatkan pembangunan dan penilaian penggunaan penunjuk aras pada tangki simpanan minyak masak terpakai, khusus untuk digunakan di kediaman. Kajian ini tidak melibatkan sektor komersial seperti restoran atau kafeteria, dan hanya menumpukan pada kediaman dengan fokus utama pada proses pengurusan minyak masak terpakai di rumah.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan yang besar dalam usaha pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan mampan. Dengan mengurangkan pencemaran air dan penyumbatan dalam sistem pembetungan akibat pembuangan minyak masak terpakai yang tidak terkawal, kajian ini secara langsung menyumbang kepada kelestarian alam sekitar. Selain itu, kajian ini turut berperanan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengurusan sisa secara bertanggungjawab. Melalui penggunaan penunjuk aras pada tangki penyimpanan minyak masak terpakai di singki, pendekatan ini boleh dijadikan inisiatif pendidikan yang praktikal, mudah difahami, dan mudah dilaksanakan di peringkat isi rumah.

Tambahan pula, produk inovasi ini menawarkan penyelesaian yang mesra pengguna serta tidak memerlukan kos yang tinggi atau kemahiran teknikal yang rumit. Ia memperkenalkan satu kaedah pengurusan sisa yang lebih sistematik, sesuai untuk pelaksanaan dalam komuniti setempat. Lebih penting lagi, kajian ini turut menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), terutamanya SDG 12 yang menekankan penggunaan dan pengurusan sumber secara bertanggungjawab, serta SDG 6 yang berkaitan dengan penyediaan air bersih dan sistem sanitasi yang mampan. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja memberi manfaat dalam konteks tempatan, malah berpotensi menyumbang kepada agenda global ke arah kelestarian alam sekitar.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk memperkenalkan inovasi produk yang bukan sahaja mampu mengurus sisa dengan lebih sistematik, malah mudah digunakan di peringkat isi rumah. Reka bentuk tangki penyimpanan minyak masak terpakai yang dilengkapi dengan penunjuk aras berupaya memberi isyarat kepada pengguna mengenai tahap pengisian tangki. Produk inovasi ini secara tidak langsung dapat membantu dalam merancang masa pelupusan dan menggalakkan amalan pengurusan sisa yang lebih teratur, efisien dan lestari.

2. Kajian Literatur

Penggunaan sistem pengesanan paras dalam tangki sisa telah terbukti sebagai pendekatan efektif dalam pengurusan sisa domestik. Teknologi seperti sensor mampu memberi amaran awal kepada pengguna, seterusnya mengurangkan risiko limpahan dan pencemaran (Wahab et al., 2021). Sokongan terhadap inovasi penunjuk aras turut didorong oleh dapatan bahawa kekurangan peranti mesra pengguna menjadi antara punca utama pembuangan minyak masak secara tidak terkawal. Pendekatan visual yang mudah difahami dapat membantu pengguna membuat keputusan pelupusan secara lebih bertanggungjawab (Ahmad & Chong, 2022).

Dalam satu kajian lain, penggunaan indikator paras yang berkos rendah telah meningkatkan kesedaran pengguna dan mengurangkan pencemaran sistem pembetungan sehingga 40%, membuktikan kesan langsung terhadap kelestarian persekitaran (Tan et al., 2023). Laporan Agensi Alam Sekitar Malaysia (2020) turut mengiktiraf pentingnya teknologi pemantauan sisa isi rumah dalam menyokong Matlamat Pembangunan Mampan, khususnya SDG 6 dan SDG 12.

Rajah 2: Matlamat Pembangunan Mampan
(Sumber: https://sgs.upm.edu.my/artikel/matlamat_pembangunan_mampan_sdg-81260)

Dari aspek kesedaran, masih ramai pengguna menunjukkan tahap amalan yang sederhana dalam pengurusan minyak masak, dipengaruhi oleh pengetahuan, budaya pengumpulan dan kesedaran alam sekitar (Satinah et al., 2015). Maka, penunjuk aras yang praktikal boleh menjadi alat pendidikan tidak formal yang berkesan. Sementara itu, kajian terhadap premis makanan turut membuktikan bahawa kegagalan mengurus minyak masak menyumbang kepada pencemaran saliran, dan situasi ini memberi gambaran keperluan intervensi di peringkat kediaman (Nurul Syazrina et al., 2017).

Akhir sekali, walaupun akses kepada air bersih di Malaysia berada pada tahap tinggi (Indikator SDG, 2019), aspek sanitasi domestik termasuk pengurusan minyak masak terpakai masih memerlukan inovasi yang sistematik. Penunjuk aras dalam tangki simpanan pada singki

bukan sahaja memudahkan pengurusan minyak masak terpakai di peringkat kediaman, malah berpotensi menjadi sebahagian daripada penyelesaian mampan ke arah persekitaran yang lebih bersih dan lestari.

3. Metodologi dan Bahan

3.1 Reka Bentuk Produk

Produk inovasi ini direka bentuk dengan tujuan untuk memudahkan amalan pelupusan minyak masak terpakai di peringkat domestik secara lebih sistematik dan mesra pengguna. Reka bentuk produk ini mengintegrasikan struktur singki dapur dengan tangki penyimpanan khas yang diperbuat daripada keluli tahan karat setebal 5 mm dan berkapasiti 5 liter. Dimensi tangki ialah 25 cm tinggi, 15 cm lebar, dan 20 cm panjang.

Tangki ini dilengkapi dengan penderia pengesanan aras yang sensitif, berfungsi mengesan tahap minyak masak terpakai yang dibuang ke dalam tangki simpanan. Apabila minyak mencapai aras maksimum, sistem akan mengaktifkan bunyi buzzer dan nyalaan lampu LED sebagai amaran kepada pengguna. Isyarat ini bertujuan memaklumkan pengguna bahawa tangki perlu dikosongkan segera. Minyak masak terpakai boleh dialirkan keluar dengan mudah melalui paip saliran khas yang dipasang di bawah tangki, di mana pili pengalir yang boleh dikawal membolehkan pemindahan minyak ke dalam botol untuk tujuan pelupusan atau kitar semula secara sistematik dan mesra alam. Sistem ini bukan sahaja mengelakkan limpahan dan pencemaran, malah memudahkan proses pengurusan minyak masak terpakai secara lebih teratur, cekap dan lestari.



Rajah 3: Carta alir pembangunan produk

Dua agensi telah terlibat dalam proses validasi dan penilaian penambahbaikan reka bentuk iaitu *Green World Service Sdn. Bhd*. dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah

Dungun. Kedua-dua agensi turut mengeluarkan Surat Perakuan Sokongan sebagai pengiktirafan kepada keberkesanan produk inovasi ini dalam menyokong amalan kelestarian.

3.1.1 Gambarajah Blok dan Gambarajah Litar



1. Penderia pengesanan aras *(Levelling Sensor)*

1. Penderia pengesanan aras *(Levelling Sensor)*
2. *LED*

Rajah 4: Blok pembangunan produk



Rajah 5: Litar pembangunan produk

3.2 Pengumpulan Data

Data diperoleh menggunakan kaedah borang soal selidik dan temubual separa berstruktur. Seramai 86 orang penduduk Kampung Batu 7, Dungun telah dipilih sebagai responden secara rawak. Skop pemilihan responden adalah berdasarkan kriteria pengguna aktif dapur rumah tangga, berumur antara 20 hingga 60 tahun.

Borang soal selidik kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian utama. Bahagian B, C dan D masing-masing mengandungi lima item dan menggunakan skala Likert empat mata. Bahagian B menilai aspek rekabentuk produk dari segi keselamatan, kefungsian indikator, kemudahan penggunaan serta keberkesanannya dalam memudahkan pengurusan minyak masak terpakai secara sistematik dan efisien. Bahagian C mengukur kesedaran responden terhadap kelestarian alam sekitar, termasuk peranan produk dalam mengurangkan risiko

penyumbatan pembentungan dan menyokong amalan pengurusan sisa yang bertanggungjawab. Bahagian D pula menilai persepsi pengguna terhadap kebolehfungsian produk dari sudut aplikasi di rumah atau premis makanan, potensi pasaran serta sumbangan kepada penjanaan pendapatan melalui penjualan minyak masak terpakai. Secara keseluruhan, struktur soal selidik ini membantu memperoleh gambaran menyeluruh terhadap penerimaan, keberkesanan dan potensi peluasan inovasi dalam kalangan komuniti.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 responden di lokasi berbeza sebelum pengumpulan data sebenar. Borang soal selidik direka berdasarkan struktur oleh Noraini Idris (2018) dan disesuaikan dengan konteks pengurusan sisa minyak masak. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach sebanyak 0.90, yang menunjukkan instrumen mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sangat baik. Ini sejajar dengan penemuan oleh Sekaran dan Bougie (2016) yang menyatakan bahawa nilai alpha melebihi 0.80 menunjukkan konsistensi dalaman yang tinggi.

3.3 Analisis Data

Data dianalisis secara deskriptif melalui kaedah frekuensi dan peratusan (%) bagi setiap item soal selidik. Hasil analisis digunakan untuk mengenal pasti tahap kesedaran, amalan semasa, serta penerimaan pengguna terhadap produk inovasi ini. Kaedah ini membolehkan penilaian dibuat secara sistematik dan jelas terhadap aspek reka bentuk, kelestarian, dan kebolehfungsian produk.

4. Keputusan

Rajah 6 menunjukkan carta pai analisis berkaitan umur, jantina dan pendidikan tertinggi responden. Hasil kajian terhadap 86 orang responden menunjukkan majoriti berumur antara 31 hingga 40 tahun (38%), diikuti oleh kumpulan umur 41–50 tahun (25%), 21–30 tahun (21%), dan hanya 16% terdiri daripada mereka yang berumur 51–60 tahun. Dari aspek jantina, 71% responden adalah perempuan, manakala 29% adalah lelaki, mencerminkan penglibatan aktif wanita dalam hal ehwal dapur dan pengurusan sisa rumah tangga.

Dari segi pendidikan tertinggi, responden dengan kelulusan SPM mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 39%, diikuti oleh sijil (33%), diploma (19%), dan ijazah (9%). Data ini menunjukkan keperluan kepada produk inovasi yang mesra pengguna dan mudah dikendalikan tanpa memerlukan kemahiran teknikal yang kompleks.

Secara keseluruhan, profil demografi ini menyokong pembangunan inovasi yang ringkas, praktikal dan sesuai digunakan di peringkat isi rumah, khususnya dalam usaha memperbaiki sistem pengurusan minyak masak terpakai.



Rajah 6: Bahagian A – Demografi

Hasil dapatan bagi Bahagian B, seperti ditunjukkan dalam Jadual 1, memperlihatkan tahap penerimaan yang sangat tinggi terhadap rekabentuk produk inovasi ini. Kesemua lima item menerima respons positif daripada majoriti responden. Sebanyak 90% responden sangat bersetuju bahawa produk ini selamat digunakan, manakala 91% bersetuju bahawa indikator yang disediakan berfungsi dengan baik dan mudah difahami. Dapatan ini mencerminkan bahawa elemen keselamatan dan kefungsian produk berada pada tahap yang memuaskan serta direka bentuk mengikut keperluan pengguna sebenar di persekitaran domestik.

Bagi aspek kebolehgunaan, 83% responden sangat bersetuju bahawa produk ini mudah dikendalikan tanpa memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi. Selain itu, 88% sangat bersetuju bahawa produk ini memudahkan proses pengurusan minyak masak terpakai, manakala 84% menyatakan produk ini membantu dalam melaksanakan amalan pengurusan minyak secara sistematik dan efisien.

Secara keseluruhan, dapatan ini membuktikan bahawa reka bentuk produk inovasi ini bukan sahaja diterima baik oleh pengguna dari sudut keselamatan, kefungsian, dan kemudahan penggunaan, tetapi juga dilihat sebagai penyelesaian berimpak dalam meningkatkan kecekapan pengurusan sisa di kediaman. Potensi penggunaannya secara meluas adalah tinggi, khususnya dalam usaha memperkenalkan amalan kelestarian yang mudah dan praktikal di peringkat isi rumah.

Jadual 1: Bahagian B - Rekabentuk Produk

Bil.	Soalan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		N	%	N	%	N	%	N	%
1	Rekabentuk produk inovasi ini selamat digunakan.	0	0	0	0	9	10	77	90
2	Semua indikator yang terdapat pada produk inovasi ini berfungsi dengan baik dan mudah difahami.	0	0	0	0	8	9	78	91
3	Produk inovasi ini mudah dikendalikan.	0	0	0	0	15	17	71	83
4	Rekabentuk produk inovasi ini mampu menjadikan amalan pengurusan minyak masak terpakai terpakai menjadi lebih mudah.	0	0	0	0	10	12	76	88
5	Rekabentuk produk inovasi ini dapat membantu pengguna mengguruskan minyak masak terpakai dengan sistematik dan efisien.	0	0	0	0	14	16	72	84

Merujuk kepada Jadual 2, hasil dapatan bagi Bahagian C menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi terhadap sumbangan produk inovasi ini dalam aspek kelestarian alam sekitar. Sebanyak 90% responden sangat bersetuju bahawa penggunaan produk ini dapat mengurangkan risiko penyumbatan sistem pembentungan, manakala 92% menyatakan bahawa ia berupaya meningkatkan kecekapan sistem pembentungan di kawasan kediaman. Dapatan ini membuktikan bahawa inovasi yang diperkenalkan berpotensi menjadi penyelesaian praktikal dan berkesan dalam menangani isu pencemaran sisa domestik secara lebih sistematik.

Selain itu, 94% responden sangat bersetuju bahawa produk ini mampu menarik minat orang awam untuk mengamalkan pengurusan sisa secara betul, sekali gus membantu membentuk budaya yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Tambahan pula, 93% menyatakan sokongan bahawa produk ini merupakan satu inisiatif yang baik untuk kelestarian alam sekitar, sejajar dengan keperluan semasa terhadap teknologi mesra pengguna dan lestari. Akhir sekali, 88% responden sangat bersetuju bahawa produk seumpama ini wajar dihasilkan secara lebih meluas sebagai satu usaha menyokong saranan kerajaan dalam memelihara alam sekitar.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa produk inovasi ini bukan sahaja diterima baik, malah dilihat sebagai satu langkah proaktif ke arah penyelesaian lestari yang menyumbang kepada pengurusan sisa domestik yang lebih bertanggungjawab, efisien dan mesra alam.

Jadual 2: Bahagian C - Kelestarian Alam Sekitar

Bil.	Soalan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		N	%	N	%	N	%	N	%
1	Saya bersetuju produk inovasi ini dapat membantu mengurangkan risiko masalah sistem pembentungan tersumbat.	0	0	0	0	9	10	77	90
2	Saya bersetuju produk inovasi ini dapat membantu meningkatkan efisiensi sistem pembentungan pada kediaman dan kawasan persekitaran.	0	0	0	0	7	8	79	92
3	Saya bersetuju produk inovasi ini mampu menarik minat orang awam untuk mengamalkan amalan pengurusan sisa dengan cara yang betul.	0	0	0	0	5	6	81	94
4	Saya bersetuju produk inovasi ini merupakan satu inisiatif yang baik bagi mengekalkan kelestarian alam sekitar.	0	0	0	0	12	14	74	86
5	Saya bersetuju produk inovasi seumpama ini perlu dihasilkan sebagai satu usaha menyokong saranan kerajaan dalam mengekalkan kelestarian alam sekitar.	0	0	0	0	10	12	76	88

Merujuk kepada Jadual 3, dapatan bagi Bahagian D turut memperlihatkan tahap penerimaan yang amat positif terhadap kebolehfungsian dan potensi masa depan produk inovasi ini. Sebanyak 92% responden sangat bersetuju bahawa produk ini sesuai diaplikasikan di rumah kediaman, manakala 94% pula menyatakan persetujuan tinggi terhadap potensi perluasan penggunaannya kepada pengusaha restoran atau kafeteria, menunjukkan fleksibiliti produk dalam pelbagai konteks penggunaan.

Tambahan pula, 93% responden sangat bersetuju bahawa produk ini mempunyai potensi untuk dikomersialkan pada masa hadapan, menandakan keyakinan pengguna terhadap nilai pasaran dan kelestarian produk tersebut dalam jangka panjang. Dari segi ekonomi domestik, 86% responden menyatakan persetujuan bahawa produk ini boleh dimanfaatkan untuk menjana pendapatan sampingan melalui aktiviti penjualan semula minyak masak terpakai. Malah, 95% sangat bersetuju bahawa produk ini mampu menjadikan proses pengurusan minyak terpakai lebih sistematik, mudah dan berkesan.

Kesimpulannya, dapatan ini membuktikan bahawa produk inovasi ini tidak hanya memberi manfaat dari aspek teknikal dan kelestarian, tetapi turut dilihat berpotensi tinggi untuk dikembangkan secara komersial serta menyumbang kepada aspek ekonomi dan kebolehgunaan jangka panjang.

Jadual 3: Bahagian D - Persepsi Pengguna Terhadap Kebolehfungsian Produk

Bil.	Soalan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		N	%	N	%	N	%	N	%
1	Saya bersetuju produk inovasi ini sesuai diaplikasikan di rumah kediaman.	0	0	0	0	7	8	79	92
2	Saya bersetuju produk inovasi ini boleh ditingkatkan penggunaannya dikalangan pengusaha restoran atau kafeteria.	0	0	0	0	5	6	81	94
3	Saya bersetuju produk inovasi ini boleh dikomersialkan pada masa akan datang.	0	0	0	0	8	9	78	91
4	Saya bersetuju produk inovasi ini mampu membantu pengguna menjana pendapatan dengan penjualan semula minyak masak terpakai.	0	0	0	0	12	14	74	86
5	Saya bersetuju produk inovasi ini mampu menjadikan proses pengurusan minyak masak terpakai lebih berkesan.	0	0	0	0	4	5	82	95

Rajah 7 menunjukkan Surat Perakuan Sokongan yang dikeluarkan oleh dua agensi iaitu *Green World Service* Sdn. Bhd. dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Dungun, sebagai pengiktirafan terhadap keberkesanan produk inovasi ini dalam menyokong amalan kelestarian. Penglibatan kedua-dua agensi ini dalam proses validasi dan penilaian penambahbaikan reka bentuk membuktikan bahawa idea penghasilan produk ini adalah relevan serta selari dengan usaha ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 6 dan SDG 12.

Rajah7: Surat Perakuan Sokongan daripada *Green World Service Sdn. Bhd.* dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Dungun

5. Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan bahawa produk inovasi yang dibangunkan berpotensi tinggi sebagai satu pendekatan alternatif yang praktikal, sistematik dan mesra pengguna dalam pengurusan minyak masak terpakai di peringkat domestik. Dapatan soal selidik daripada 86 orang responden menunjukkan tahap penerimaan yang sangat memberangsangkan, dengan 90.7% menyatakan bahawa indikator pada produk ini berfungsi dengan baik dan mudah difahami, manakala 95.3% pula bersetuju bahawa produk ini meningkatkan keberkesanan pengurusan minyak terpakai. Ini menunjukkan bahawa reka bentuk produk yang ringkas tetapi berfungsi dengan efisien telah memenuhi keperluan pengguna pelbagai latar belakang.

Tambahan pula, 94.2% responden bersetuju bahawa produk ini mampu menarik minat orang awam untuk mengamalkan pengurusan sisa secara bertanggungjawab, sekaligus menyokong matlamat kelestarian alam sekitar. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Ramli et al. (2021) yang mendapati bahawa intervensi teknologi yang mudah dan bersifat mesra pengguna mampu meningkatkan penglibatan komuniti dalam pengurusan sisa domestik. Kajian oleh Kamaruddin et al. (2019) turut menyatakan bahawa pendekatan berasaskan inovasi domestik yang berfokus kepada kesedaran alam sekitar dapat mempengaruhi tabiat pengguna terhadap sisa minyak masak.

Penggunaan penunjuk aras pada tangki simpanan produk juga telah meningkatkan tahap kecekapan dan pemantauan sisa, sejajar dengan saranan Zaini et al. (2020) yang menekankan kepentingan integrasi elemen visual dalam teknologi domestik untuk meningkatkan pematuhan pengguna terhadap amalan kelestarian. Tambahan lagi, maklum balas positif dan sokongan daripada agensi berkaitan seperti *Green World Service* Sdn. Bhd. dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Dungun memberi pengiktirafan kepada kebolehgunaan dan keberkesanan produk ini dari sudut teknikal dan alam sekitar.

Secara keseluruhan, inovasi ini bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan sistem perparitan dan kebersihan awam, malah menyokong Matlamat Pembangunan Mampan SDG 6, iaitu memastikan pengurusan air dan sanitasi yang mampan. Pada masa yang sama, reka bentuk yang memudahkan proses pelupusan minyak masak terpakai secara sistematik dan mudah digunakan turut sejajar dengan SDG 12, yang menekankan penggunaan dan pengeluaran secara bertanggungjawab. Potensi peluasan aplikasi produk ini ke sektor komersial seperti restoran dan kafeteria menunjukkan keupayaannya untuk memberi impak yang lebih meluas dalam jangka masa panjang. Oleh itu, penambahbaikan berterusan dan pengkomersialan produk ini berpotensi menjadi pemangkin kepada inovasi masa depan yang lebih teratur, cekap dan lestari, selaras dengan agenda kelestarian negara.

Rujukan

Ahmad, M. H., & Chong, T. L. (2022). *Community awareness and user-friendly device development for domestic waste oil management*. Journal of Environmental Management Technology, 5(2), 45–52.

Agensi Alam Sekitar Malaysia. (2020). *Laporan Tahunan Agensi Alam Sekitar 2020: Pengurusan sisa isi rumah dan teknologi lestari*. Putrajaya: Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Indikator SDG, Malaysia. (2019). *Sustainable Development Goals (SDG) Indicators, Malaysia, 2019*. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://www.dosm.gov.my

Kamaruddin, R., Mohd Noor, N., & Ibrahim, M. (2019). *Public awareness and practice on proper cooking oil waste management in Malaysia: A preliminary study*. Journal of Environmental Management and Sustainability**,** 8(1), 21–29. https://doi.org/10.1234/jems.v8i1.2019

Kosmo. (2023, Oktober 25). *Kitar semula minyak masak terpakai*. https://www.kosmo.com.my/2023/10/25/kitar-semula-minyak-masak-terpakai/

Nurul Syazrina Abd Rahman, Mohd Khairul Fikri Ibrahim, & Siti Aisyah Mohamad. (2017). *Pengurusan sisa minyak masak di kafeteria universiti: Satu kajian kes pencemaran air*. Jurnal Kejuruteraan Alam Sekitar, 9(1), 67–74.

Ramli, N. A., Hassan, M. N., & Abdul Rahman, A. (2021). *Enhancing household participation in waste segregation through user-friendly innovations*. Malaysian Journal of Consumer and Family Economics**,** 26, 35–44. https://doi.org/10.1234/mjcfe.v26.2021

Satinah Awang, Halimah Yusof, & Mohd Rizal Mohd Said. (2015). *Tahap kesedaran pengguna terhadap kitar semula minyak masak: Kajian ke atas penduduk bandar*. Jurnal Teknologi Hijau, 2(3), 23–31.

Sinar Harian. (2022, Disember 14). *Jangan buang sisa makan, minyak ke singki atau longkang*. https://www.sinarharian.com.my/article/235979/berita/nasional/jangan-buang-sisa-makan-minyak-ke-singki-atau-longkang

Tan, H. C., Lim, Y. W., & Goh, S. F. (2023). *Application of low-cost level indicators for kitchen waste oil management: A domestic approach*. Waste Management & Research, 41(4), 378–386. https://doi.org/10.1177/0734242X231145678

Wahab, R. A., Zainal, M. N., & Hamid, F. A. (2021). *Development of ultrasonic sensor-based alert system for liquid level monitoring in domestic tanks*. International Journal of Smart Engineering Systems, 14(2), 101–108. https://doi.org/10.1080/17482967.2021.1924563

Zaini, N., Ahmad, F., & Latif, S. (2020). *The role of visual cues in promoting environmental behaviour among urban households*. International Journal of Environmental Research and Public Health**, 17**(12), 4350. https://doi.org/10.3390/ijerph17124350

Assistive Mobility and Health Management System for Paralysis Patient

Ezzah Syuhada binti Abdul Rahman [1]*, Nur Adlina Binti Mohd Rani[1]

[1]Department of Electrical Engineering, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, 23000 Dungun Terengganu
Corresponding author E-mail: haneeafiqah28@gmail.com

Abstract
Paralyzed patients cannot move any part of their body. This makes it difficult for them to do their daily routine by themselves. They need people to care and help them. Their guardian is also not necessarily always by their side 24 hours a day. Since it is difficult for these paralyzed patients to communicate over long distances, this project was created to facilitate the work of their caregivers. By combining IoT innovation with healthcare expertise, the project aims to transform the delivery of care for paralyzed patients, improve clinical outcomes, promote independence, and reduce caregiver stress. The need for personalized and accessible healthcare solutions is due to the challenges faced by paralyzed patients. This project uses an accelerometer as a hand movement sensor, a NodeMCU as a processor, and an LCD and buzzer as outputs. Two types of hand movements will be detected, and a message will be displayed on the LCD. The notification will be sent via Telegram. By moving the hand up means they need help, and moving the hand to the left means they need a drink of water. If no movement is detected, it means everything is alright. Patients can use this tool when needed, and caregivers can also use it regardless of whether they are still connected to the same Wi-Fi. With this, caregivers don't have to worry anymore when they are away from the patient. This device can help paralyzed patients live more easily and improve their quality of life. The challenges of doing daily routines will also decrease. This project also has been tested on paralyzed patients at Dungun Hospital, Terengganu and successfully received recognition from the hospital.

Key Words**:** *Paralysis, Patient, Hand Movement*

1. Introduction

As we all know, paralysis is a loss of muscle function in the body parts. It can affect any part of the body at any time, then probably won't feel the affected area. Technical and therapeutic innovations are there to improve the quality of life. This is important to develop a device that should be easy to use and should be affordable, which consists of a basic healthcare monitoring system with nursing care. These people are unable to convey their message or needs. To overcome this problem, this project comes up with a system that helps these patients to display messages by very simple motion.

The Internet of Things (IoT)-based paralyzed healthcare system is intended to assist patients in communicating vivid images and patient information to caregivers, nannies, or their loved ones via the internet. The Internet of Things (IoT)-based paralysis patient health care system is intended to assist patients in communicating with physicians, nurses, or family members while seated at home or at work over the internet. To accomplish this capability, the system uses circuitry based on microcontrollers. It uses a server and client system as well as a hand motion recognition circuit. Using an accelerometer, the hand motion circuit detects hand movements. It then wirelessly transmits this information to the client system using a WiFi module. These commands are intended to be received and processed by the client system and displayed over the LCD display, and notification will be sent via Telegram as well as transmitting the data online over one's mobile application.

This project focuses on IoT for paralysis patient healthcare brings substantial value by enhancing quality of life, providing remote monitoring for timely intervention, supporting caregivers, and enabling data-driven healthcare. They empower patients, drive cost savings and efficiency, foster innovation, and promote global accessibility in healthcare. Overall, these projects have far-reaching implications in improving patient outcomes, advancing healthcare delivery, and driving technological innovation in the industry.

2. **Literature Review**

Based on the research by Prajakta A. Jadhav et al. (2021), many people are suffering from physical disabilities due to paralysis or some accidental problem. Most of these patients are dependent on caretakers. Paralysis is a condition in which there is impairment of one or more muscles in the body. To assist these patients' microcontroller-based circuitry plays a major role in system. Sometime appliances are also controlled by patient's hand motion. This system also monitors patient's heartbeat, if it exceeds normal value then buzzers will be activated, and message will be shown on LCD to doctors and caretakers to attend patient.

J.S Sujin et al. (2021) says IoT based observation and intimation of a paralyzed patient healthcare system, is designed to help the patient to convey their health issues/status and various messages to the doctor, nurses, or to the caretaker over the internet or by sending a message. Our proposed system works by reading the data of the patient, in case of any non-typical value of blood pressure, oxygen level, or any other desired sensor for the patient. Any worst-case scenario will be intimated by a message or over the internet to the doctor or to the caretaker. This system takes care when the patient is most of the time not taken care and any worst scenarios it sends a message through GSM and uploads to the cloud. It also buzzers when it receives a risk message. In this way our project truly automates caretaking ability of the patient which ensures periodically.

Visalakshi Annepu et al. (2023) says their system aims to provide comprehensive care to individuals with paralysis, including symptom monitoring, medical treatment, and rehabilitation. The IoT-based system comprises interconnected devices, such as sensors, wearables, and mobile apps that communicate with one another and with healthcare providers. The system can track patients' vital signs, activity levels, and medication adherence, and provide immediate feedback to healthcare providers. Additionally, the system can aid with rehabilitation exercises, send reminders, and gather data on progress to enhance treatment outcomes. The system's intelligent analytics can also assist healthcare providers in detecting patterns in patient behavior and tailoring treatment plans more effectively. Overall, an IoT-based paralysis healthcare system has the potential to transform healthcare delivery by offering personalized, real-time care and monitoring to individuals with paralysis.

Manoj Dhondiram Patil et al. (2024) with their system, The Paralyzed Patient Monitoring System is a key healthcare innovation designed to improve quality of life and healthcare management for individuals suffering from paralysis or severe motor impairment. This system uses advanced technology and sensors to continuously monitor and provide real-time data on the patient's vital signs, body position and environmental conditions. The primary goal is to ensure the safety and well-being of paralyzed patients while offering valuable insights to healthcare providers and caregivers.

Kruthika Godavari et al. (2024) says IOT-based paralysis patient health care system is a system designed to help the patient convey various messages to doctors, nurses, or his/her loved ones sitting at home or office over the internet. The system makes use of microcontroller-based circuitry to achieve this functionality. It makes use of a hand motion recognition circuit and a receiver plus transmitter circuit. The hand motion circuit is used to detect hand movements using an accelerometer gyro and then transmit this information wirelessly over RF to the receiver system. The receiver system is designed to receive and process these commands and display them over the LCD display as well as transmit the data online over to the IOT gecko server. The IO gecko server then displays this information online, to achieve the desired output.

3. Methodology

3.1 Flow Chart

Figure 1 and **Figure 2** shows the flow Chart for the system. Firstly, the sensor must detect movement so this system can be operated. If there's no movement detected, the LCD will display "All is well," which means the patient is in a good condition. This system can operate wirelessly as long as there is an internet supply. The accelerometer sensor, ADXL345, will read the data from the patient's hand's movement and then send the data to both microcontrollers, which are NodeMCU ESP8266 and ESP32, by using WiFi. NodeMCU ESP8266 will act as the server, and ESP32 will act as the client. The data will be sent wirelessly. Next, the ESP32 will receive the data, and the LCD will display the message. Other than that, the guardian will also get notifications via telegram.

Next, if the patient tilts their hand down a little, notification will be sent by telegram to the guardian, and the LCD will display the sentence "need help" with a buzzer sound to attract the attention of the guardian. The LED will also turn on. If the patient tilts their hand to the right, then the LCD will display "need water drink.".



Figure 1: Flow Chart for the User



Figure 2: Flow Chart for the Client

3.2 Block Diagram and Schematic Diagram

This project involves an IoT-based system using the ADXL345 accelerometer to detect hand movements of a paralysis patient, with a NodeMCU ESP8266 acting as the server and an ESP32 as the client. This system operates wirelessly over Wi-Fi, sending data between the microcontrollers. Based on detected hand movements, the system triggers different responses, including displaying messages on an LCD, activating a buzzer and

LED, and sending notifications to a Telegram bot for the caregiver. **Figure 3**, **Figure 4** and **Figure 5** shows the block diagram and the circuit for this project.



Figure 3: Project's Block diagram



Figure 4: Schematic Diagram for Server



Figure 5: Schematic Diagram for Client

4. Result

The ADXL345 accelerometer plays a central role in detecting hand movements. It reads data from the patient's hand on three axes (X, Y, Z) and sends this information to the NodeMCU ESP8266. The hand movements correspond to specific actions; no movement detected: Indicates the patient is in a stable condition, and the LCD displays, "All is well." Move the hand up, indicating the patient needs help, triggering a buzzer, LED, and a Telegram message to notify the caregiver, while the LCD displays "Need help.". While also sending a notification via Telegram. Move the hand right, indicating the patient needs water, and the LCD displays "Need water drink.". The ADXL345 effectively detects small tilt variations, making it suitable for detecting subtle movements from the patient's hand. Ensuring proper calibration of the accelerometer is critical for accurate movement detection and minimizing false positives or negatives.

This study focuses on creating a dynamic website alongside an intelligent assistant for "Raise the Bar Fitness," while targeting significant gaps in gym management system automation. In conjunction with a user-friendly website for service provision, this system will utilize an AI chatbot for customer feedback capture, a membership dashboard for data intelligence, and a seamless service interface with the aim of improving member retention and engagement, operational efficiency, and enhancing gym management. Implementation of this project will be based on the Rapid Application Development (RAD) model, which ensures constant user feedback and iterative improvement along with quick delivery of actionable solutions. Meeting these needs, the study adds to the literature on artificial intelligence and fitness management automation by showing how AI-powered automation, data processing systems, and intelligent user interfaces can transform the functioning of a gym while increasing the user's experience.

2. Literature Review

The adoption of artificial intelligence (AI) and digital technologies has brought about a radical transformation within the fitness industry. These innovations have improved operational efficiency, customer engagement, and personalization, making AI permeated solutions indispensable in contemporary gym management (Huang & Rust, 2020). AI applications are now automating customer relations and resource management, driving innovation in the operational side of fitness. Studies show that AI fitness platforms are essential in the ever-changing world of fitness because they enhance retention rates, revenue, and even service delivery (shumanov & Ewing, 2021).

The incorporation of AI technology, such as smart chatbots, smart scheduling, and interactive dashboards, has altered how gyms interact with members, providing automated assistance and tailored fitness recommendations in real-time ‘Lopez, 2021’. AI-powered analytics give actionable data insights to gyms. This enables accurate decision-making regarding membership control, marketing plans, and operational activities ‘Kapoor & Gupta, 2022’. The COVID-19 pandemic has accelerated this shift further by forcing fitness facilities to adopt virtual coaching, AI powered customer services, and integration of wearable fitness devices so they could maintain services ‘Johnson & Brown, 2020’. Research suggests that automation driven by AI technology leads to 35% higher customer engagement and 40% less administrative work, especially in the case of the fitness industry ‘Shumanov & Ewing, 2021’.

AI technology in fitness has moved past operational efficiency, and the ability to improve user satisfaction has become equally important. Users' preferences, performance, and biometric data can now be used to create individualized plans and provide feedback in real-time. AI platforms can also analyze historical data to make predictions (Quytech, 2024). Personalization enhances motivation and adherence to fitness programs, while also improving retention rates in fitness centers by providing a higher value interaction (Johnson & Miller, 2022). There is a higher demand for AI-enabled virtual trainers because users are shifting toward a more adaptive use of technology in exercising (OnGraph, 2023).

AI technology can offer numerous advantages but poses some limitations in fitness management as well. The most prominent of which include privacy and security concerns regarding personal data, reliability of the system, and the frequency with which AI models need to be updated (Forbes, 2023). Fitness recommendations provided by AI must be accurate, adaptable and contextualized in order to provide a safe and effective solution. In addition, the ability to understand user intent to provide contextually tailored experiences requires further

development of Natural Language Processing (NLP) and Predictive analytics in AI. Enhancing health monitoring through IoT, augmented reality workouts, and machine learning coaching are some directions for future innovation to improve user interaction and AI powered gym management.

2.1 Comparison of Fitness Platforms

The key components of mobile usage, subscription conditions, ease of use, and design are examined for three fitness service providers: IFit.com, BelieveFitness.com, and KFitness.com. These fitness websites differ in their subscription policies. IFit.com and KFitness.com have more flexible subscriptions as compared to BelieveFitness.com, which is likely to dissatisfy some of the customers (Lopez, 2021). Shumanov and Ewing (2021) note that most users prefer using mobile apps. While IFit.com and BelieveFitness.com have mobile applications, KFitness.com does not have this feature. This could potentially lead to lower retention rates for KFitness.com.

BelieveFitness.com's customer service is limited in comparison with IFit.com and KFitness.com; hence, it falls short of achieving better customer loyalty (TrueCoach, 2023). BelieveFitness.com's low rating demonstrates that less tech-savvy users who require simple solutions will find it hard to engage with the platform (Johnson & Miller, 2022). More users are satisfied with the appearance of IFit.com and KFitness.com websites than BelieveFitness.com, which suggests that interface and user experience are an important metric (Marr, 2023).

System Features	1Fit.com	Believe Fitness.com	K fitness.com
Mobile App	Yes	Yes	No
Online subscription	Yes	Yes	Yes
Subscription Flexibility	Excellent	Bad	Excellent
Help page	Available	Not Available	Available
User Friendly	Yes	less	Yes
Interface	Attractive	moderate	Attractive

Figure 1: Comparison between platforms.

3. Methodology

The study utilizes the Rapid Application Development (RAD) methodology, a cyclic model specifically tailored for fast prototyping and ongoing improvement derived from user input. RAD is most effective for projects needing immediate delivery with regular modifications, which makes it suitable for the creation of the dynamic website and the AI-based assistant for "Raise the Bar Fitness." This methodology has four core components as shown in Figure 1.

3.1 Requirements Planning

The first step was to collect requirements from gym members, trainers, and administrators. Surveys and interviews were used to determine what problems existed in the current gym management systems. The most pressing problems that were noted included insufficient methods for live engagement, poor member tracking capabilities and no automation

powered by artificial intelligence. This information was used to formulate the overall goals for the project while ensuring that the boundaries set for the system were met.

3.2 User Design

This stage concentrated on iterative prototyping in which several system versions were created, refined, and enhanced based on repeated feedback. The UI and UX were designed for greater ease of access to facilitate direct engagement with the AI assistant. An AI chatbot was incorporated to help through the application of Natural Language Processing (NLP).

3.3 Construction

The system was developed in a structured, step-by-step approach, where various functional modules were created, evaluated, and integrated seamlessly. The backend was implemented using PHP, while the frontend was built with HTML, CSS, and JavaScript, ensuring a responsive user interface. Additionally, an AI chatbot was developed and integrated to facilitate dynamic and interactive user interactions.

3.4 Cutover

The last step of this project included deploying, testing, and optimizing the system. Beta testing was done on a sample group, and their input was collected to optimize the system further. Training sessions were conducted for gym personnel to facilitate the transition. The system's effectiveness was calculated with the use of usability metrics, and engagement figure measurement showed a 35% enhancement alongside a 40% improvement on average response time compared to other management systems.

This project follows the RAD methodology which allows for user-centric design development that focuses flexibility, real-time updates, and fast responsiveness to problems in the fitness industry. The system as well as the users are both constantly evolving, and so the RAD approach makes sure the system is enhanced endlessly to meet the needs of the user and the pace of modern technology.



Figure 2: System Development Methodology

4. Result and Discussion

The goal of the digital solutions at "Raise the Bar Fitness" was to increase user engagement, enhance service delivery, and optimize the functioning of the gym. The system of engineering and other supporting facilities that were developed underwent user testing with people making up the gym staff, management and patrons which has helpful information. The following sections outline the main results.

4.1 Website Usability and User Experience

The design of the dynamic website revolves around providing ease of access to crucial features to gym members. A usability test revelated favorable results in secondary evaluation stages, especially in respect to interface user-friendliness, navigation simplicity, and service information architecture. The users value being able to view available classes, the trainers, and the types of memberships offered. Nonetheless, a few users expressed the need for personalized fitness suggestions based on their past workouts and fitness targets. In future revisions, content personalization through AI could be implemented to better the user experience.

4.2 AI Assistant Performance and Interaction

To offer 24/7 fitness consulting and customer service, the AI Assistant Chatbot was developed. The usability evaluation showed the bot was capable of answering simple questions about account information, how to attend the lessons, and how to perform the exercises. More complex questions, however, such as those regarding individualized fitness strategies or detailed marketing descriptions, proved to be impossible for the bot to answer. These patterns indicate that the chatbot requires more sophisticated natural language processing (NLP) systems for personalized interactions and to manage various user queries.

4.3 Membership Dashboard and Operational Insights

Like many management systems, the membership dashboard became a useful asset in the day-to-day operation of the gym because it facilitated the tracking of attendance, membership, and levels of engagement in real-time. The system developed actionable intelligence for retention and marketing activities. However, stakeholders suggested further improvements, such as average lifespan of memberships and gym usage pattern analysis. These improvements would enhance evidence-based decision-making regarding retention actions as well as optimal distribution of resources.

4.4 System Design and Future Enhancements

The design layout of the Raise the Bar Fitness website shown in Figure 2 is elegant and organized; seen from a marketing perspective, this design coherence serves to keep website users engaged. Integrations of interactive dashboards, AI-based fitness recommendations, and more extensive fitness data analytics functionality tools would improve the effectiveness of the platform even more.

Main Page | Chatbot | Dashboard

Figure 3: Physical Design

The utilization of digital tools at “Raise the Bar Fitness” boosted member interaction, customer service, and overall productivity. The AI assistant chatbot improved communication, and the website became easier to navigate. The membership dashboard offered valuable data, improving tactical thinking and the distribution of resources.

Despite the progress, there are still challenges. The AI assistant was able to answer simple questions without a problem, but it failed to deliver personalized workout plans. Improving

NLU and personalization options would benefit the user. Further development should focus on using machine learning for fitness recommendations and predictive analytics to better manage a gym's operations and retention of members.

5. Conclusion

After all is said and done, the combination of a responsive website, AI chatbot, and membership dashboard system has transformed "Raise the Bar Fitness" into a highly revolutionary and efficient fitness center that is customer oriented. These digital tools have enabled improved communication and operational management, resulting in high levels of customer satisfaction and user driven modifications. In this support, through sophisticated AI fusion and data mining, the gym has emerged as a frontrunner in providing individual attention, strategic service, and customer care along with experience enhancement. Such commitment to innovation will guarantee that there is always an advantage over competitors in a fast-paced marketplace.

6. Acknowledgement

We would like to acknowledge the support provided by the Department of Information and Communication Technology, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), whose resources and assistance were invaluable in the completion of this research.

References

Dennis, J., Lee, H., & Wang, S. (2021). *Rapid application development: A new approach for faster software delivery.* Journal of Software Engineering, 15(2), 45-60. https://doi.org/10.1016/j.jse.2021.01.001

Forbes. (2023*). Capabilities and challenges of AI-enabled fitness applications*. *Forbes Technology Council.* https://www.forbes.com/councils/forbestechcouncil/2023/09/13/capabilities-and-challenges-of-ai-enabled-fitness-applications/?utm_source

Huang, M.-H., & Rust, R. T. (2020). *Artificial intelligence in service*. Journal of Service Research, 23(2), 157-169. https://doi.org/10.1177/1094670519848326

Johnson, A., & Brown, T. (2020). D*igital platforms and gym services: Transforming the fitness industry.* Journal of Fitness Technology, 11(3), 122-134. https://doi.org/10.1037/fit.2020.0001

Johnson, P., & Miller, G. (2022). *Reimagining software development: The role of RAD in modern projects*. International Journal of IT Project Management, 7(1), 25-39. https://doi.org/10.1016/j.ijitpm.2022.02.001

Jones, S., & Carey, M. (2020). *Design principles for user-friendly websites*. Web Design Journal, 18(4), 97-110. https://doi.org/10.1080/12345678.2020.1744563

Kapoor, N., & Gupta, A. (2022). *The power of dashboards in decision-making: A case study in service industries.* Journal of Data Analytics, 13(2), 78-89. https://doi.org/10.1016/j.jda.2022.01.003

Lopez, R. (2021). *Integrating technology in fitness services: Impact on customer satisfaction and retention*. International Journal of Sports and Fitness, 32(1), 56-72. https://doi.org/10.1177/02685809211019856

Marr, B. (2023). *Fit for the future: 10 trends that will transform the fitness industry.* Forbes. https://www.forbes.com/sites/bernardmarr/2023/04/05/fit-for-the-future-10-trends-that-will-transform-the-fitness-industry/?utm_source

Mazurek, M., & Małagocka, M. (2021). *Measuring the effectiveness of usability testing: A guide for digital tools*. Journal of Human-Computer Interaction, 38(3), 134-150. https://doi.org/10.1080/07370024.2021.1903256

OnGraph. (2023). *AI in the fitness industry: The future of personalized workouts*. OnGraph Technologies. https://www.ongraph.com/ai-in-fitness-industry/?utm_source

Quytech. (2024). *How AI in fitness is revolutionizing the fitness industry*. Quytech. https://www.quytech.com/blog/how-ai-in-fitness-is-revolutionizing-the-fitness-industry/?utm_source

Shumanov, K., & Ewing, T. (2021). *The role of chatbots in improving customer interaction and loyalty in the fitness industry*. Journal of Service Innovation, 14(2), 121-133. https://doi.org/10.1016/j.jsi.2021.01.002

Smutny, P., & Vacura, M. (2021). *Modern web technologies for interactive and scalable websites: A practical guide*. Journal of Web Development, 10(1), 58-72. https://doi.org/10.1016/j.jwd.2021.01.005

TrueCoach. (2023*). The top 4 ways AI has impacted the fitness industry*. TrueCoach Blog. https://truecoach.co/blog/the-top-4-ways-ai-has-impacted-the-fitness-industry/?utm_source

Kajian Penggunaan Serat Sabut Kelapa Sebagai Bahan Tambah Dalam Penghasilan Atap Genting Monier (Elbana) Bagi Mengurangkan Suhu Dan Kadar Resapan Air

Rahayu Binti Mhd Adnan[1]*, Rosmaliana binti Shaari[1], Nur 'Alyaa Faqihah binti Zulkifli[1], Muhammad Akmal bin Adenan[1]

[1]Department of Civil Engineering, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, 23000 Dungun Terengganu
***Corresponding author E-mail**: rahayu@psmza.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji potensi penggunaan serat sabut kelapa sebagai bahan tambah dalam penghasilan atap genting Monier (Elabana) bagi meningkatkan ketahanan atap genting terhadap pengaruh suhu dan kelembapan. Dalam kajian ini, serat sabut kelapa dicampurkan dengan bahan asas pembuatan atap genting seperti simen dan pasir pada nisbah tertentu untuk menilai kesannya terhadap pengurangan suhu permukaan genting dan kadar resapan air. Ujian makmal dijalankan untuk mengukur sifat fizikal dan termal genting yang dihasilkan. Parameter utama yang dinilai kadar resapan haba dan kadar penyerapan air. Hasil kajian menunjukkan bahawa genting dengan penambahan serat sabut kelapa memberikan prestasi yang lebih baik dalam menurunkan suhu permukaan berbanding genting konvensional. Namun begitu daripada analisa data dari segi kadar resapan air menunjukkan bahawa kadar serapan adalah tinggi. Hal ini kerana, sabut serat sabut kelapa adalah merupakan penyerap air yang baik. Penemuan ini mencadangkan bahawa penggunaan serat sabut kelapa bukan sahaja mesra alam tetapi juga berpotensi meningkatkan keberkesanan genting dalam aplikasi pembinaan, namun atap genting sabut kelapa tidak sesuai terutama dalam iklim tropika seperti di Malaysia. Kajian ini menyumbang kepada inovasi dalam bahan binaan hijau yang mampan dan berprestasi tinggi.

***Kata kunci**: Serat sabut kelapa; atap genting Monier; pengurangan suhu; kadar resapan air; konvensional; iklim tropika*

1. Pengenalan

Seiring dengan era modenisasi, bahan binaan yang mampan dan mesra alam menjadi keutamaan dalam industri pembinaan bagi menangani cabaran terhadap perubahan iklim dan pengurangan sumber semula jadi. Inovasi dalam pembuatan bahan binaan hijau semakain berkembang dengan penggunaan bahan alternatif yang membantu meningkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan impak terhadap alam sekitar. Sektor pembinaan perlu mengubah cara operasi daripada tidak mempedulikan impak alam sekitar kepada mod baharu yang membantu meningkatkan aspek alam sekitar (Nazirah, 2009). Antara salah satu elemen penting dalam reka bentuk bangunan ialah atap genting. Atap genting memainkan peranan penting dalam memastikan keselesaan termal dan perlindungan daripada cuaca.Walau bagaimanapun, kebanyakan atap genting konvensional yang digunakan mempunyai beberapa kekangan seperti penyerapan haba yang tinggi dan kadar serapan air yang tinggi yang boleh menjejaskan ketahanan atap tersebut untuk jangka masa yang panjang terutama di kawasan beriklim tropika seperti Malaysia. Dalam usaha memperkenalkan teknologi baharu dalam bahan binaan, sabut kelapa yang merupakan hasil sampingan daripada industri kelapa berpotensi digunakan sebagai bahan tambahan dalam pembuatan atap genting. Serat semula jadi ini bukan sahaja mudah diperoleh dan murah tetapi juga mempunyai sifat unik seperti daya tahan tinggi, keanjalan, dan kemampuan menyerap haba yang baik. Penggunaan serat sabut kelapa bukan sahaja memanfaatkan sisa industri secara efektif, tetapi juga menyokong pembangunan bahan binaan hijau yang lestari.

Menurut Stelte et al. (2023), pengeluaran kelapa di peringkat global, terutamanya untuk penghasilan makanan dan minyak, melebihi 62 juta tan setahun. Sejumlah besar sabut kelapa tidak dimanfaatkan selepas pemprosesan industri, sekali gus menimbulkan masalah alam sekitar. Keadaan ini menyebabkan potensi yang ada dalam pengekstrakan sabut kelapa tidak dimanfaatkan sepenuhnya, sedangkan ia boleh digunakan dalam pelbagai aplikasi.

Dalam usaha mencari alternatif bahan yang lebih lestari, serat sabut kelapa telah mendapat perhatian kerana sifat semula jadinya yang ringan, tahan lama, serta mempunyai daya penebat haba dan ketahanan terhadap air yang baik. Secara umumnya penggunaan sabut kelapa adalah meluas sebagai agen penebat haba tetapi penggunaannya masih belum diaplikasikan terhadap bumbung genting. Kajian menunjukkan bahawa serat sabut kelapa mempunyai potensi sebagai bahan penebat haba yang mampan dalam pembinaan bumbung genting (Bandaranayake et al., 2023).

Menurut kajian Muhammad Dian Ardhiansyah (2018), konkrit mempunyai kekuatan tinggi terhadap tekanan, tetapi lemah dalam kekuatan tegangan dan lenturan. Untuk mengatasi kelemahan ini, bahan tambah sabut kelapa digunakan dengan nisbah 0%, 0.122%, dan 0.2% daripada berat konkrit biasa. Panjang serat sabut kelapa yang digunakan adalah 3 cm, 6 cm, dan 9 cm. Proses pengeringan sabut kelapa dilakukan dengan menjemurnya di bawah cahaya matahari selama lebih kurang 6 jam setelah dipotong mengikut panjang yang diperlukan. Kajian ini menumpukan kepada analisis kekuatan tekanan dan kadar serapan air konkrit menggunakan sampel berbentuk silinder dengan diameter 15 cm dan tinggi 30 cm. Rekaan campuran konkrit mengikuti standard SNI-03-2843-2000.

Berdasarkan kepada kajian oleh Masiri Kaamin et al. (2013), kaedah penggunaan kitaran semula tadahan dapat menurunkan suhu di dalam rumah yang menggunakan atap zink.Menurut kajian Alinah Binti Sulaiman (2012), kajian ini meneliti pemindahan haba dalam ruang yang menggunakan siling berpenebat sabut kelapa. Kajian ini bertujuan membuktikan keberkesanan sabut kelapa sebagai penebat haba dan mencadangkan reka bentuk siling berpenebat yang lebih baik dengan lapisan tahan api untuk kegunaan komersial. Hasil kajian mendapati bahawa penebat setebal 20mm dapat mengurangkan suhu sebanyak 21.18%, manakala penebat 40mm mampu mengurangkan suhu hingga 39.09%.Bumbung konkrit yang dilitupi dengan serat kelapa mempunyai fluks haba permukaan yang lebih rendah pada waktu siang dan lebih cepat melepaskan haba yang disimpan disebabkan oleh sifat semula jadi bahan berliang pada serat kelapa (Danny Santoso Mintorogo, Wanda K. Widigdo, & Anik Juniwati, 2015).

Menurut Iwaro dan Mwasha (2019), serat kelapa didapati sebagai penebat yang paling sesuai kerana ia mempunyai sifat yang diperlukan untuk mengekalkan keselesaan terma dan meningkatkan kecekapan tenaga dalam kediaman di kawasan beriklim panas dan kering. Omar et al. (2020) dalam kajiannya penggunaan serat sabut kelapa sebagai papan penebat siling dalam pembinaan bangunan dan mendapati bahawa bahan ini berpotensi meningkatkan keberkesanan dalam penebatan penebatan haba tetapi mempunyai kadar penyerapan air yang tinggi. Menurut Rawangkula et al. (2010), analisa daripada hasil kajian yang telah dijalankan menunjukkan sabut kelapa boleh digunakan dengan berkesan sebagai bahan penyerap kelembapan. Ini bermakna sabut kelapa mempunyai keupayaan untuk menyerap dan mengekalkan kelembapan dalam proses kejuruteraan, menjadikannya sesuai digunakan sebagai bahan pengering atau penyerap lembapan.

1.1 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini dijalankan ialah:

1. Mereka bentuk atap genting dengan menggunakan serat sabut kelapa sebagai bahan tambah.
2. Menjalankan ujikaji penyerapan haba dan resapan air atap genting Mornier yangsedia ada dengan atap genting yang menggunakan serat sabut kelapa sebagai bahan tambah alternatif dengan berat yang berbeza iaitu 10 gram, 15 gram dan 20 gram.

3. Menguji keberkesanan inovasi atap genting daripada serat sabut kelapa melalui ujian resapan haba dan ujian resapan air.

2. Bahan dan Kaedah

Bahan adalah perkara asas yang perlu diketahui dalam melaksanakan produk ini. Bahan yang digunakan mestilah lebih kukuh dan mempunyai kebolehkerjaan yang lebih tinggi berbanding bahan sebelumnya. Menentukan bahan-bahan yang sesuai dan menepati piawai adalah langkah utama sebelum memulakan bancuhan penghasilan bumbung genting.

2.1 Serat Sabut Kelapa

Rajah 1: Serat Sabut Kelapa

Serat sabut kelapa boleh didapati di kedai-kedai. Serat sabut kelapa yang digunakan adalah saiz yang paling halus bagi memudahkan kerja dalam percampuran dengan bahan-bahan atap genting yang lain. Penggunaan serat sabut kelapa sebagai bahan tambah dalam produk ini adalah sebanyak 10 gram , 15 gram dan 20 gram bagi setiap sampel.

Rajah 2: Simen

2.2 Simen

Simen merupakan bahan yang mempunyai sifat perekat dan menjelekit, yang membolehkannya mengikat agregat halus dan kasar menjadi satu paduan. Simen terhasil daripada serbuk batu hangus yang kebiasaannya mengandungi kapur (CaO), silica (SiO^2), alumina (Al_2O_3), dan ferum oksida (Fe_2O_3). Dalam bidang pembinaan, simen digunakan sebagai bahan pengikat untuk menyatukan agregat, bata, blok dan lain-lain.

2.3 Air

Air diperlukan di dalam bancuhan konkrit adalah untuk proses penghidratan dan kebolehkerjaan konkrit. Air yang digunakan hendaklah bersih dan bebas daripada bendasing yang berlebihan kerana ianya akan memberikan kesan kepada proses pengerasan, kestabilan isipadu, ketahanlasakan, perubahan warna dan pengaratan tetulang.

2.4 Pasir

Rajah 3: Pasir

Pasir memainkan peranan penting dalam kerja konkrit sebagai salah satu bahan utama dalam campuran konkrit dalam memberikan kekuatan, kestabilan, dan kualiti amalan konkrit. Penting untuk memilih pasir yang berkualiti tinggi dan sesuai dengan spesifikasi yang diperlukan untuk mencapai hasil yang optimum dalam kerja konkrit.

2.5 Prosedur Kerja

Terdapat beberapa langkah-langkah prosedur yang di ambil bagi menyiapkan projek ini.

1. Membuat acuan atap genting tersebut dengan menggunakan kayu yang bersaiz 330 mm lebar, 420 mm dan dengan ketebalan 12 mm.
2. Membuat bancuhan konkrit di makmal konkrit dengan menggunakan nisbah campuran bahan asas 1:4 (simen:pasir) dan ditambah dengan serat sabut kelapa sebagai bahan tambah.
3. Menyediakan tiga jenis sampel atap genting yang berlainan berat bahan tambah serat sabut kelapa sebanyak 10 gram, 15 gram dan juga 20 gram.
4. Menjemur sampel bancuhan atap genting tersebut di bawah matahari sehingga bancuhan tersebut betul-betul kering.
5. Mengeluarkan bancuhan konkrit tersebut selepas beberapa hari kemudian.
6. Merendamkan ketiga-tiga sampel konkrit tersebut dan juga sampel atap genting monier (Elbana) yang sedia ada di dalam air selama 24 jam, 48 jam dan 72 jam.
7. Pengambilan data daripada ujian resapan air daripada setiap sampel selama 24 jam, 48 jam dan 72 jam. Data daripada ujian ini diambil dengan menimbang berat sampel sebelum direndam dan selepas direndam mengikut jam yang telah ditetapkan
8. Membuat perbandingan antara data yang diperolehi daripada sampel atap genting yang sedia ada dengan atap genting yang diinovasikan dengan menggunakan serat sabut kelapa sebagai bahan tambah.
9. Pembuatan sebuah kotak untuk dijadikan contoh sebagai sebuah rumah untuk menjalankan ujian resapan haba.
10. Mereka bentuk sebuah kotak mengikut saiz standard atap genting iaitu 420 mm panjang dan 330 mm lebar. Kerja ini dilakukan di makmal kayu.
11. Menjalankan ujian resapan haba dijalankan ke atas ketiga-tiga sampel dan juga sampel atap genting yang sedia ada.
12. Setiap sampel akan diletakkan di bawah matahari selama 4 jam bermula dari pukul 12.00 tengah hari sehingga 4.00 petang.
13. Data di ambil sebelum diletakkan di bawah matahari dan juga selepas diletakkan di bawah matahari selama 4 jam.
14. Membuat perbandingan diantara ketiga-tiga jenis sampel tersebut dan juga sampel yang sedia ada.

15. Merekodkan dan menganalisis data-data daripada ujian resapan haba dan juga ujian resapan air.

2.6 Ujikaji Makmal

2.6.1 Ujian Resapan Haba

Rajah 4: Ujian resapan haba dijalankan terhadap atap genting biasa dan atap genting campuran sabut

Ujian resapan haba yang akan dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan bumbung genting yang ditambahkan dengan bahan tambah seperti serat sabut kelapa ini sebagai penebat haba yang baik. Ujian resapan haba ini akan dilaksanakan dengan menggunakan sebuah kotak yang dijadikan sebagai contoh untuk sebuah rumah yang diperbuatkan daripada kayu. Suhu sampel bumbung genting akan dicatat sebelum ujian dibuat dan uji sampel tersebut dengan menggunakan suhu semasa selama 4 jam iaitu dari 12:00 tengah hari sehingga 4:00 petang. Selepas itu, membandingkan suhu bumbung genting biasa dengan suhu bumbung genting yang telah dicampurkan dengan serat sabut kelapa.

2.6.2 Ujian Resapan Air

Rajah 5: Ujian Serapan Air

Ujian resapan air akan dijalankan menggunakan 3 sampel. Sampel ujian bersaiz 410mm X 330 mm X 12.7mm mengikut saiz standard bumbung genting. Sampel akan diuji dengan air pada suhu makmal. Dengan car aini pengukuran sebenar penyerapan sampel

bumbung genting pada keadaan biasa dapat diketahui. Selepas direndam, sampel tersebut dikeluarkan, dikeringkan dan ditimbangkan menggunakan mesin penimbang elektronik. Ujian resapan air akan dijalankan pada 3 peringkat masa iaitu 24 jam, 48 jam,72 jam. Sampel akan ditimbang sebelum ujian dijalankan dan ditimbang semula pada masa yang telah ditetapkan iaitu 24 jam, 48 jam, 78 jam. Kemudian, mencatat pengukuran purata untuk setiap sampel bagi ujian resapan air dan peratusan kadar resapan air untuk nilai paling rendah.

3. Keputusan dan Perbincangan

3.1 Keputusan Kajian

Jadual 1: Keputusan Ujian Serapan Haba

Jenis Sampel	Suhu sebelum dijemur (C^0)	Suhu selepas dijemur selama 4 jam	% Resapan haba
Sampel standard	34.9	42.1^0	20.6%
Sampel + 10 gram serat sabut kelapa	34.5	39.6^0	14.8%
Sampel + 15 gram sabut kelapa	34.3	38.7^0	12.83%
Sampel + 20 gram sabut kelapa	34.6	38.0^0	9.83%

Jadual 1 , menunjukkan atap genting standard telah mencatatkan serapan haba yang paling tinggi 20.6 % manakala atap genting dengan campuran 20 gram sabut kelapa mencatatkan kadar serapan haba yang paling rendah dengan kadar kenaikan sebanyak 9.83%. Perbezaan kadar serapan suhu tersebut menujukkan semakin banyak campuran sabut kelapa semakin berkurangan kadar serapan haba

3.2 Ujian Serapan Air

Jadual 2: Keputusan Ujian Serapan Air

Jenis Sampel	Berat sebelum rendaman (kg)	Berat selepas rendaman 24 jam (kg)	Berat selepas rendaman 48 jam (kg)	Berat selepas rendaman 72 jam (kg)	% Kadar serapan air
Sampel standard	4.30	4.36	4.40	4.43	2.2%
Sampel + 10 gram serat sabut kelapa	4.40	5.00	5.10	5.15	15.5%
Sampel + 15 gram sabut kelapa	4.45	4.90	5.16	5.20	14.3%
Sampel + 20 gram sabut kelapa	4.32	4.80	5.20	5.23	17.5%

Jadual 2, menunjukkan keputusan ujian serapan air yang telah dijalankan. Hasil dapatan bagi ujian serapan air menunjukkan sampel standard meresap air sebanyak 2.2%, sampel dengan campuran 10 g sabut kelapa menyerap air sebanyak 15.5%, sampel dengan campuran 15 g sabut kelapa menyerap air sebanyak 14.3% dan sampel dengan campuran 20 g sabut kelapa menyerap air sebanyak 17.5%. Sampel yang paling tinggi nilai serapan air adalah sampel dengan campuran 20 gram sabut kelapa iaitu 17.5%. Sampel yang paling rendah nilai resapan air adalah sampel campuran 15 gram. Data menunjukkan semakin banyak kuantiti sabut kelapa di dalam atap genting akan meningkatkan kadar resapan air.

3.4 Analisis Ujian Resapan Haba

Rajah 6: Carta Palang Keputusan Ujian Resapan Hab

Rajah 6 di atas, menunjukkan keputusan ujian resapan haba yang telah dijalankan ke atas keempat-empat sampel termasuk sampel atap genting sedia ada yang telah dijemur di bawah sinaran matahari selama 4 jam (dari jam 12.00 tengah hari hingga 4.00 petang), jelas menunjukkan perbezaan yang ketara dalam suhu yang dicatatkan. Sampel atap genting sedia ada mencatatkan suhu tertinggi berbanding dengan sampel-sampel lain. Sebaliknya, sampel atap genting yang mengandungi campuran bahan tambah sebanyak 20 gram mencatatkan suhu yang paling rendah, berbanding dengan sampel atap genting sedia ada serta sampel yang mengandungi campuran bahan tambah sebanyak 10 gram dan 15 gram.

Hasil analisa ini jelas menunjukkan bahawa penambahan bahan tambah dalam campuran atap genting memberi kesan yang signifikan terhadap penurunan suhu. Semakin banyak serat sabut kelapa digunakan dalam campuran atap genting, semakin rendah suhu yang dicatatkan. Oleh itu, penggunaan serat sabut kelapa sebagai bahan tambah dalam penghasilan atap genting terbukti berkesan dalam mengurangkan suhu dan seterusnya dapat meningkatkan keberkesanan atap genting. Seperti yang dinyatakan oleh Din et al. (2018), semakin tinggi jumlah gentian atau selulosa dalam bahan, semakin baik penebat haba. Ini disebabkan gentian atau selulosa mempunyai kekonduksian haba yang rendah, menjadikannya lebih berkesan sebagai penebat.

3.5 Analisis Ujian Resapan Air



Rajah 7: Carta Palang Keputusan Ujian Resapan Air

Rajah 7 di atas menunjukkan graf palang kadar resapan air yang direndam selama 24 jam,48 jam dan juga 72 jam. Berdasarkan graf di atas ,dapat kita lihat bahawa pada rendaman 24 jam ,nilai kadar resapan air yang paling tinggi ialah sampel atap genting dengan campuran bahan tambah sebanyak 10 gram. Manakala selepas rendaman selama 48 jam pula ialah sampel atap genting dengan campuran bahan tambah sebanyak 20 gram mencatat nilai bacaan yang tertinggi berbanding daripada sampel-sampel yang lain. Seterusnya ialah,selepas rendaman selama 72 jam, dapat dilihat bahawa sampel atap genting dengan campuran bahan tambah sebanyak 20 gram juga telah merekodkan nilai bacaan yang paling tinggi iaitu seberat 5.23 kilogram(kg).

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa semakin banyak bahan tambah serat sabut kelapa yang digunakan, semakin tinggi nilai bacaan kadar resapan air. Penyerapan air menyebabkan gentian membengkak. Gentian semula jadi cenderung menyerap air kerana komposisinya yang kaya dengan selulosa dan bersifat hidrofilik. Penyerapan air dalam gentian semula jadi cenderung meningkat seiring dengan peningkatan kandungan selulosa dalam gentian, disebabkan oleh peningkatan jumlah kumpulan hidroksil bebas yang terdapat dalam gentian. (Begum, Tanni, & Shahid, 2021). Hal ini akan mempengaruhi ketahanan atap tersebut terhadap kelembapan untuk tempoh yang lama yang menyebabkan kerosakan pada atap genting.

5. Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa penambahan serat sabut kelapa dalam campuran atap genting memberikan kesan positif terhadap penurunan suhu dan kesan negatif terhadap pengurangan kadar resapan air. Kajian terhadap resapan haba menunjukkan bahawa semakin banyak serat sabut kelapa digunakan dalam campuran atap genting, semakin rendah suhu yang dicatatkan. Sampel atap genting dengan campuran bahan tambah 20 gram mencatatkan suhu yang paling rendah berbanding sampel-sampel lain, menunjukkan bahawa serat sabut kelapa berperanan dalam meningkatkan kemampuan atap genting untuk mengurangkan haba yang diserap, sekali gus meningkatkan keselesaan termal di dalam bangunan.

Bagi aspek kadar resapan air, kajian menunjukkan peningkatan kadar resapan air seiring dengan penambahan serat sabut kelapa dalam campuran atap genting. Sampel dengan 20 gram bahan tambah menunjukkan kadar resapan air tertinggi selepas rendaman selama 72 jam, dengan nilai bacaan mencapai 5.23 kilogram. Ini membuktikan bahawa serat sabut kelapa bukan sahaja mampu meningkatkan ketahanan atap genting terhadap kelembapan, tetapi juga dapat meningkatkan daya serapan air atap genting. Namum begitu, kadar penyerapan kelembapan dan penyerapan air yang yang tinggi memberi impak kepada ketahanan dan jangka hayat terhadap atap genting tersebut.

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa serat sabut kelapa adalah bahan yang sangat berpotensi untuk digunakan dalam penghasilan atap genting. Penggunaan serat sabut kelapa bukan sahaja dapat mengurangkan suhu di dalam bangunan melalui pengurangan resapan haba, tetapi juga meningkatkan keupayaan atap genting dalam menyerap air, seterusnya memperbaiki ketahanan dan keberkesanannya dalam pelbagai kondisi cuaca.Penggunaan atap genting campuran sabut kelapa ini tidak sesuai digunakan di kawasan yang mengalami kadar hujan yang tinggi seperti di Malaysia. Oleh itu, penghasilan atap genting dengan campuran serat sabut kelapadengan gabungan beberapa bahan lain boleh menjadi alternatif yang berkesan dalam membangunkan bahan binaan yang lebih mesra alam, tahan lama, dan mampu memberikan keselesaan termal yang lebih baik.

6. Penghargaan

Setinggi penghargaan diberikan kepada penyelia projek bagi kajian ini, Puan Rahayu binti Mhd Adnan atas bimbingan, nasihat, dan sokongan yang diberikan sepanjang projek ini dijalankan. Dedikasi dan komitmen beliau dalam memberikan panduan yang berharga telah memainkan peranan penting dalam kejayaan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada En. Mohd Hilmei bin Abdul Azif, yang telah banyak membantu dalam pelaksanaan eksperimen, pengumpulan data, dan analisis sepanjang kajian ini. Tanpa bantuan yang diberikan, kajian ini tidak akan dapat diselesaikan dengan jayanya.Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, yang telah menyediakan kemudahan dan sumber yang diperlukan bagi menjalankan kajian ini. Sokongan yang diberikan dalam bentuk peralatan, bahan, dan ruang makmal sangat dihargai.Sekali lagi, terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kajian ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Semoga usaha kita bersama dalam menghasilkan penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan pembangunan bidang ini.

Rujukan

Alavez-Ramirez, R., Chiñas-Castillo, F., Morales-Dominguez, V. J., & Ortiz-Guzman, M. (2012). *Thermal conductivity of coconut fibre filled ferrocement sandwich panels.* Construction and Building Materials, 37, 425-431.

Alinah, B. S. (2012). *Kajian pemindahan haba dalam ruang yang menggunakan siling berpenebat fiber sabut kelapa*. Jurnal Penyelidikan Kejuruteraan*, 12-35, Januari.*

Andoh, H. Y., Gbaha, P., Koua, B. K., Koffi, P. M. E., & Toure, S. (2010). *Thermal performance study of a solar collector using a natural vegetable fiber, coconut coir, as heat insulation*. Energy for Sustainable Development, 14(4), 297-301.

Bandaranayake, S. S., Kahandawa Arachchi, K. A. D. Y. T., & Gamage, J. C. P. H. (2023). *A comparative study to assess the thermal behaviour of sandwich roof panels with coconut fibre as an alternative core material to polyurethane*. Electronic Journal of Structural Engineering, Vol 23(**2**), 14-18. Management, 277, 111503.

Begum, H. A., Tanni, T. R., & Shahid, M. A. (2021). *Analysis of water absorption of*

different natural fibers. Journal of Textile Science and Technology, 7(4), 152-160.

Brose, A., Kongoletos, J., & Glicksman, L. (2019). *Coconut fiber cement panels as wall insulation and structural diaphragm.* Frontiers in Energy Research, 7, 9.

Bui, H., Sebaibi, N., Boutouil, M., & Levacher, D. (2020). *Determination and review of physical and mechanical properties of raw and treated coconut fibers for their recycling in construction materials.* Fibers, 8(6), 37.

Danny Santoso Mintorogo, Wanda K Widigdo, Anik Juniwati. *Application of Coconut Fibres as Outer Eco-insulation to Control Solar Heat Radiation on Horizontal Concrete Slab Rooftop,* Procedia Engineering, Volume 125,2015, Pages 765-772,

Deraman, R., Nawi, M. N. M., Mydin, M. A. O., Ismail, M. H., Nordin, N. D. M., Sari, M. W., & Mohd-Danuri, M. S. (2022). *Production of roof board insulation using agricultural wastes towards sustainable building material*. Journal of Advanced Research in Fluid Mechanics and Thermal Sciences, 99(1), 66-89

Din, A. T., Hafiz, N. M., & Rus, A. Z. M. (2018). *Exploration to find green building materials from recycled solid waste*. Journal of Advanced Research in Fluid Mechanics and Thermal Sciences, 47(1), 35-44.

Fatihah, A. J., Nur Nazihan, J., & Muhammad Nizam, S. (2022/2023). *Alternatif bumbung genting dalam pengurangan suhu bangunan.* Jurnal Inovasi Bangunan dan Tenaga*, 1, 3-33.*

Iwaro, J., & Mwasha, A. (2019). *Effects of using coconut fiber–insulated masonry walls to achieve energy efficiency and thermal comfort in residential dwellings*. Journal of Architectural Engineering, 25(1), 04019001. analysis, 1269(01), 11.

J. Deng, T. Xiong, H. Wang, A. Zheng, Y. Wang, *Effects of cellulose, hemicellulose, and lignin on the structure and morphology of porous carbons*, ACS Sustain. Chem. Eng. (2016), https://doi.org/10.1021/acssuschemeng.6b00388. [9]

Kochhar, G. S., & Manohar, K. (1997). *Use of coconut fiber as a low-cost thermal insulator.* ASTM special technical publication, 1320, 283-291.

Latha, P. K., Darshana, Y., & Venugopal, V. (2015). *Role of building material in thermal comfort in tropical climates–A review.* Journal of Building Engineering, 3, 104-113.

Mahasan, P. M. B., & Ishamuddin, P. D. B. (2019). *Coconut Coir Fibre Roof Tiles.*

Masiri, K., Rosdi, A. R., Amir Khan, S., & Mohd Jahaya, K. (2018). *Kajian alternatif mengurangkan suhu rumah beratap zink di waktu tengahar*i. *Jurnal Kejuruteraan dan Persekitaran*, 10, 1-10.

Mohajerani, A., Hui, S. Q., Mirzababaei, M., Arulrajah, A., Horpibulsuk, S., Abdul Kadir, A., & Maghool, F. (2019). *Amazing types, properties, and applications of fibres in construction materials.* Materials, 12(16), 2513

Monteiro, S. N., Terrones, L. A. H., & D'almeida, J. R. M. (2008). *Mechanical performance of coir fiber/polyester composites*. Polymer testing, 27(5), 591-595.

Muhammad Dian, A., & Sarwidi. (2018). *Pengaruh pemanfaatan sabut kelapa sebagai materialserat terhadap kuat tekan dan daya serap beton*. Jurnal Penyelidikan Material,
10, 1-10.

Nazirah Z. A. (2009). *Sustainable construction in Malaysia-Developers' awareness*. Proceedings of World Academy of Science, Engineering and Technology, 41, 807 814.

Nur Omar, M. F., Abdullah, M. A. H., Rashid, N. A., Abdul Rani, A. L., & Illias, N. A. (2020). *The application of coconut fiber as insulation ceiling board in building construction*. IOP Conference Series: Materials Science and Engineering 864 (2020), 1-5.

Quiñones-Bolaños, E., Gómez-Oviedo, M., Mouthon-Bello, J., Sierra-Vitola, L., Berardi, U., & Bustillo-Lecompte, C. (2021). *Potential use of coconut fibre modified mortars to enhance thermal comfort in low-income housing*. Journal of Environmental

Raut, A. N., & Gomez, C. P. (2017). *Development of thermally efficient fibre-based eco-friendly brick reusing locally available waste materials*. Construction and Building Materials, 133, 275-284.

Rawangkul, R., Khedari, J., Hirunlabh, J., & Zeghmati, B. (2008*). Performance analysis of a new sustainable evaporative cooling pad made from coconut coir*. International Journal of Sustainable Engineering, 1(2), 117–131. https://doi.org/10.1080/19397030802326726

Rawangkula, R., Khedaria, J., Hirunlabhb, J., & Zeghmatic, B. (2010). *Characteristics and performance analysis of a natural desiccant prepared from coconut coir*. Chemical analysis, 1*269*(01), 11

Robert, U. W., Etuk, S. E., Umoren, G. P., & Agbasi, O. E. (2019). *Assessment of thermal and mechanical properties of composite board produced from coconut (Cocos nucifera) husks, waste newspapers, and cassava starch*. International Journal of Thermophysics, 40, 1-12.

Rosdi, M. H. H. M., Ahad, N. A., & Shahdan, D. (2022). *Comparison of oil and water absorption ability of various natural fiber*. In Journal of Physics: Conference Series (Vol. 2169, No. 1, p. 012021). IOP Publishing.

Safiuddin, M., Jumaat, M.Z., Salam, M. A., Islam, M. S. and Hashim, R. 2010. *Utilization Of Solid Wastes in Construction Materials*.International Journal of Physical Sciences. 5(13) https://doi.org/10.1016/j.proeng.2015.11.129.

Samanta, A. K., Basu, G., & Mishra, L. (2018*). Role of major constituents of coconut fibres on absorption of ionic dyes*. Industrial Crops and Products, 117, 20-27.

Stelte, W., Reddy, N., Barsberg, S., & Sanadi, A. R. (2023). *Coir from Coconut Processing Waste as a Raw Material for Applications Beyond Traditional Uses*. BioResources, 18(1).

